



UNIVERSITI MALAYA

PEMAKLUMAN TATACARA PENGENDALIAN PIAWAI (SOP) TAMBAHAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0

Susulan daripada pemakluman yang telah dikeluarkan oleh Pengerusi Jawatankuasa COVID Universiti Malaya pada 10 dan 17 Mei 2021 berhubung Pematuhan Ketat Terhadap SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pengumuman YAB Perdana Menteri mengenai Perintah Kawalan Pergerakan seluruh negara bermula 12 Mei 2021 sehingga 7 Jun 2021, maka Jawatankuasa COVID-19, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, (JKCOVID-19 BHEP) Universiti Malaya telah bersetuju mengambil tindakan kawalan tambahan untuk digunapakai oleh semua Kolej Kediaman dan Pusat/Jabatan/Unit di bawah BHEP sepanjang tempoh PKP 3.0 seperti berikut :

(A) AKTIVITI/PROJEK PELAJAR

1. Semua aktiviti /projek pelajar hendaklah dilaksanakan **secara atas talian sahaja**
2. Aktiviti/Projek **secara fizikal atau berkumpulan (melebihi seorang) adalah tidak dibenarkan** sama sekali.
3. Aktiviti solat berjemaah adalah dibenarkan dengan syarat tidak melebihi 20 orang atau separuh dari keluasan surau atau yang mana lebih sedikit dan mematuhi SOP surau yang ditetapkan oleh MKN.

(B) AKTIVITI SUKAN/RIADAH

1. Semua aktiviti sukan dan rekreasi adalah **dilarang kecuali** senaman, berbasikal dan jogging secara individu dan **menjaga jarak 1.5 meter**.
2. Semua fasiliti sukan (dalam atau luar bangunan) seperti gim dan gelanggang **DITUTUP** sepenuhnya.

(C) RUANG AKTIVITI PELAJAR

1. **Semua Ruang Aktiviti Pelajar** (khusus, umum dan terbuka) seperti Bilik Mesyuarat, Bilik Aktiviti, Bilik Bacaan, Bilik *Cube* Bilik/Studio Latihan Kesenian, Bilik Belajar dan seumpamanya **DITUTUP** sepenuhnya.
2. Aktiviti berkumpulan / duduk beramai-ramai (melebihi seorang) **tidak dibenarkan**.

Semua tindakan kawalan tambahan ini adalah berkuatkuasa serta-merta sehingga tamat tempoh PKP 3.0 dan terpakai kepada semua pelajar (Dalam & Luar Kampus) dan kakitangan Universiti.

Sebarang perubahan kepada SOP adalah tertakluk kepada pemakluman yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) / Kementerian yang terlibat dan Universiti Malaya dari semasa ke semasa.

Sekian. Terima Kasih

Pengerusi JK COVID-19 BHEP, Universiti Malaya